



**KUMPULAN YAYASAN SABAH**

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: [ysinfo@ysnet.org.my](mailto:ysinfo@ysnet.org.my)

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

# SIARAN MEDIA

## [ MEDIA RELEASE/STATEMENT ]

### UNTUK SIARAN SEGERA

23 Mac 2024

#### KUMPULAN YAYASAN SABAH ERATKAN SILATURAHIM ANTARA KOMUNITI

**KOTA MARUDU (Sabtu):** Kumpulan Yayasan Sabah melalui Pejabat Zon Pantai Barat Utara, telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Bersama Masyarakat pada 22 Mac 2024, menghimpunkan masyarakat setempat berbuka puasa pada bulan Ramadan yang mulia.

Majlis diadakan bertempat di Masjid Nur Ain, Kg. Tambun, Kota Marudu. Seramai 200 orang telah menghadiri majlis ini. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Pengurus Kumpulan, Bahagian Integriti dan Pengukuhan Kumpulan Yayasan Sabah, Encik Midin bin Haji Asli.

Pada majlis tersebut, Encik Midin telah menyampaikan sumbangan Kumpulan Yayasan Sabah ke untuk 40 orang golongan Asnaf di Kg. Tambun. Badan Kebajikan Islam Kumpulan Yayasan Sabah (BAKIYS) turut menyampaikan sumbangan untuk Masjid Nur Ain pada majlis yang sama.

Kepentingan program berbuka puasa ini mewujudkan peluang penting bagi Kumpulan Yayasan Sabah dalam mengukuhkan hubungannya dengan masyarakat setempat. Dengan mendekati mereka yang memerlukan, Kumpulan Yayasan Sabah menunjukkan komitmen terhadap kebajikan rakyat. Pada masa yang sama, majlis tersebut menyediakan platform bagi Kumpulan Yayasan Sabah melibatkan diri dengan masyarakat secara bersemuka.



**Gambar 1:** Sebahagian para penerima sumbangan Kumpulan Yayasan Sabah bergambar bersama Encik Midin (barisan belakang, lima dari kiri) dan Ketua Pentadbir Zon, Yayasan Sabah, Zon Pantai Barat Utara, Encik Adman bin Haji Samat (barisan belakang, empat dari kiri).



**Gambar 2:** Encik Midin (lima dari kanan) menyampaikan sumbangan untuk Masjid Nur Ain kepada Pengerusi Masjid Nur Ain, Encik Mohd. Nazri bin Sippin sambil disaksikan oleh Ketua Pentadbir Zon, Yayasan Sabah, Zon Pantai Barat Utara, Encik Adman bin Haji Samat (tujuh dari kiri).



**Gambar 3:** Warga Kumpulan Yayasan Sabah berbuka puasa bersama penduduk Kg. Kijang.

-----TAMAT-----

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail  
Pengurus Kumpulan  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kumpulan Yayasan Sabah  
Tel. : 088-326448  
Faks : 088-421526/088-326424  
Emel : ynwaskarnail@gmail.com